

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92**

**Mac/April 1992**

**PPD 478 – Kaedah Mengajar Kesusasteraan**

**Masa : [3 Jam]**

---

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka surat yang bercetak termasuk DUA lampiran [Lampiran A dan Lampiran B] sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Jawab EMPAT soalan semuanya. Pilih dan jawab SATU soalan dari setiap Bahagian.**

**Bahagian A**

1. Dengan contoh-contoh dari buku-buku teks kesusasteraan di sekolah menengah atas, nyatakan bagaimana mata pelajaran Kesusasteraan boleh berfungsi sebagai alat pendidikan untuk memenuhi matlamat-matlamat yang dirumuskan di dalam Falsafah Pendidikan Negara.

**[25 markah]**

2. Guru sastera yang arif dapat membina peribadi pelajar-pelajarnya dengan nilai-nilai hidup yang lohor melalui pendekatan dan kaedah mengajar yang berkesan. Bincangkan.

**[25 markah]**

**Bahagian B**

3. Bincangkan pendekatan mengajar novel secara intensif dari segi perancangan dan aktiviti pembelajaran. Gunakan teks Mereka Yang Tertewas sebagai novel rujukan.

**[25 markah]**

4. [a] Nyatakan matlamat-matlamat pembelajaran prosa klasik dengan memberikan genre-genre yang sesuai sebagai contoh.  
[b] Huraikan satu pengajaran dengan menyatakan objektif, bahan dan langkah perkaedahan yang berkesan.

**[25 markah]**

Bahagian C

5. Buat satu rancangan pelajaran bagi cerpen dalam Lampiran A untuk mengajar pelajar-pelajar Tingkatan 4 selama 40 minit.

[25 markah]

6. Berdasarkan puisi di Lampiran B, nyatakan :

- [a] Satu tajuk yang sesuai untuk dijadikan satu pelajaran dan nyatakan kenapa anda pilih tajuk tersebut.

[4 markah]

- [b] Nyatakan 4 – 5 objektif khas yang boleh dicapai.

[6 markah]

- [c] Bincangkan aktiviti-aktiviti pengajaran-pembelajaran yang berkesan termasuk set induksi untuk mencapai objektif tersebut.

[12 markah]

- [d] Apakah aktiviti-aktiviti lanjutan yang berkaitan dengan pelajaran itu?

[3 markah]

Bahagian D

7. Dalam konteks membina masyarakat yang berbudaya membaca, pendidikan kesusasteraan perlu dimulakan dari peringkat kanak-kanak. Bincangkan tentang kenyataan ini dan peranan semua pihak untuk membina masyarakat tersebut.

[25 markah]

ATAU

8. Apakah masalah-masalah yang mungkin anda akan alami ketika melaksanakan Kurikulum Kesusteraan bagi Tingkatan 6? Cadangkan pendekatan-pendekatan yang anda fikir boleh mengatasi masalah tersebut.

[25 markah]

---- ooooo000ooooo ----

LAMPIRAN A

*Mariah*

SHARIF PUTERA

**M**ata Mariah terbelalak sebaik sahaja aku menyampaikan hajat Cikgu Tini. Aku tahu dia marah dan aku menerima sekiranya dia mengambil keputusan tidak menegurku buat beberapa ketika selepas ini..

Wajahnya yang manis itu tiba-tiba menjadi masam.

"Aku menyampaikan pesan. Mahu jumpa atau tidak, terpulang."

"Kalau aku tak hendak jumpa?"

"Dia guru kaunseling. Elok jumpa. Kita muridnya," itu sahaja yang aku terdaya menasihatkannya. Lebih daripada itu aku tidak mampu sekali pun aku adalah sahabatnya yang paling rapat.

Aku mendengar nafasnya dilepaskan dengan kuat. Ada kegelisahan yang bertali-tali, setiap hari dia menceritakan segala kekusutan dirinya. Kadangkala aku tertawa terhadap diriku sendiri apabila aku berusaha mententeramkan emosinya, seolah-olah aku sudah bertahun-tahun menjadi ibu yang cukup berpengalaman.

Anehnya, Mariah mendengar setiap patah lalu disimpulkan dengan suatu tarikan nafas panjang.

"Kau tahu sebabnya?"

Aku sekadar menggelengkan kepala sekali pun aku dapat membayangkan soalan yang akan dikemukakan oleh Cikgu Tini.

.... 4 / -

### KELAPA NAN SEBATANG

Bila kau boleh jumpanya?"

"Sebaik-baiknya masa pertama selepas rehat," jawabku.

Kipas angin dalam perpustakaan itu berputar ligat. Beberapa orang pelajar lelaki kelihatan masuk dan terus duduk di kerusi rehat.

"Aku belum membuat esei seperti yang dimintanya," ucap Mariah sambil tunduk mengambil *ballpoint* dan menitik-nitik beberapa kali pada kertas kosong di bawah tangan kirinya.

Dalam kelas, Cikgu Tini cukup tegas. Kerapkali berleter panjang. Namun kami berdua belum sekalipun dimarahi. Aku sendiri misalnya dianggap oleh pelajar lelaki sekelas sebagai anak emas Cikgu Tini.

Waktu rehat kami makan bersama. Sejak aku membisikkan hajat Cikgu Tini, Mariah lebih bersikap membisu, lebih banyak tunduk daripada cuba memandang kawan-kawan.

Beberapa orang teman sekelas cuba menyelidik daripada aku.

"Jangan ganggu dia," tegahku.

Apabila loceng masuk rehat berbunyi, aku berpisah. Aku melihat dari jauh perjalanan Mariah. Syukurlah dia mengikut nasihatku.

Mariah berdiri agak lama di luar bilik bimbingan itu. Dia menolak sedikit daun pintu untuk membocorkan wajah bujur sirihnya. Ketika matanya menyambar isi dalam bilik itu, dia tersambar mata Cikgu Tini.

"Masuk Mariah," pelawa Cikgu Tini.

Mariah menapak menuju kerusi yang disediakan. Belum sekalipun dia masuk sejak bilik itu diperbaiki.

Cikgu Tini menulis sesuatu. "Cikgu nak siapkan sedikit sahaja lagi," suara itu semakin lembut didengar! Dan Mariah berasa semakin lega.

Mariah menyelak beberapa helai rambutnya yang melindungi keningnya. Rambutnya yang diikat rapi dengan reben hijau pucuk pisang itu masih terurai beberapa helai.

Cikgu Tini selesai menulis. Memasukkan kepala pen kepada batangnya, meletakkan di sebelah kiri berhampiran sejambak bunga plastik yang terkumpul dalam sebuah jag tembikar.

*MARIAH*

Tiba-tiba fikiran Mariah diganggu oleh ketakutan yang diadakan. Tiba-tiba sahaja dia teringat sesuatu. Katakan Cikgu Tini bertanyakan tentang dirinya.

"Jangan beritahu apa-apa."

"Bererti aku berbohong."

"Dalam keadaan tertentu, bohong diharuskan."

Mariah sengaja mengambil ungkapan daripada penjelasan ustaz mengenai kategori bohong menurut pandangan Islam.

Mariah pasti bahawa Edah tidak bersedia menceritakan apa-apa kepada sesiapa. Membukakan rahsia seseorang adalah suatu fitnah dan fitnah dikutuk Allah. Edah selalu diingatkan larangan itu.

"Jangan pecah di mulut," katanya berulang kali.

"Mariah!"

Mariah tersentak seperti tersentuh periuk panas.

"Apa hal cikgu," Mariah berjaya memulihkan perasaannya. Buat pertama kali dalam beberapa minit dalam bilik itu, Mariah menatap wajah Cikgu Tini dengan setepat-tepatnya.

"Cikgu menjemput Mariah ke bilik ini bertujuan murni. Anggaplah pertemuan ini sebagai antara seorang kakak terhadap adiknya."

Kata-kata itu dirasakan oleh Mariah seperti kemasukan beberapa teguk air zamzam ke dalam kerongkong yang kehausan.

"Maksud cikgu?"

Cikgu Tini mengambil sekeping kad berwarna merah jambu. Meletakkan kad itu di hadapan. Merenungnya beberapa saat ke atas beberapa tulisan di dalam kad itu.

"Cikgu lihat keputusan ujian Mariah bulan lalu cukup mengecewakan."

Mariah tersedak. Cikgu sudah memulakan suatu perbicaraan mencari puncanya; fikirnya. Sekali ini dia diduga sama ada belajar berbohong atau menentang kemungkaran itu. Sekaligus juga Mariah berasa dia dicabar supaya memaniskan kata-kata supaya cikgunya tidak berasa kecil hati.

Wajarkah rahsia-rahsia yang selama ini dibungkus dalam lipatan didedahkan begitu senang? Apakah Cikgu Tini boleh menyelesaikan masalah?

220 KELAPA NAN SEBATANG

Rasanya mustahil. Cikgu Tini terlalu muda dan hanya mampu mendengar rintihan. Apakah Cikgu Tini boleh memujuk ayahnya? Mengembalikan imej seorang ayah kepada tahap yang selayaknya?

Kalau Lebai Kudin sudah mengangkat tangan menyerah kalah, masakan pula Cikgu Tini.

Mariah memejamkan mata.

"Mariah ada masalah? Cakaplah terus terang." Mariah mendengar suara Cikgu Tini seperti berada di hujung pernafasannya. Kecil dan ngilu. Terperangkap dan serba salah.

Sahlah, Cikgu Tini sudah mengetahui. Sahlah juga Cikgu Tini menjemputnya sekadar untuk mendapatkan keterangan lanjut. Sahlah, dia tidak boleh berdalih. Sahlah, Tuhan tidak mengizinkan dia berbohong.

"Mariah sakit, cikgu."

"Apa sakitnya?"

"Malu cikgu," Mariah tunduk.

"Kita berdua sahaja, Mariah."

Mariah segera menangkap secebis rasa kecewa Cikgu Tini.

Wajarkah keperihalan ayah yang mabuk dan setiap hari memaksa anaknya menghulurkan wang, dibocorkan? Dan anak itu pula masih bersekolah dan tentunya memerlukan bantuan ayah. Percayakah Cikgu Tini kalau didedahkan itu?

"Cerita yang terlalu pelik, cikgu."

Mariah melihat sebaris gigi Cikgu Tini yang cantik ketika cikgu itu tersenyum.

"Cikgu difahamkan ayah Mariah sakit. Apakah sekarang sudah sembuh?"

Siapa agaknya menceritakan rahsia-rahsia hidup dirinya ini? Edah? Atau jiran-jiran seperti Mak Som, Pak Usu Dolah? Apakah Cikgu Tini mengenali mereka selain Edah?

Mungkin Edah atau kalau tidak Edah siapa lagi? Edahlah yang tahu. Tetapi Edah sudah berikrar dan bersumpah tidak akan pecah di mulut.

Cikgu Tini terlalu bijak memerangkap, fikir Mariah berulang kali. Kalau Edah diperangkap, tentunya Edah terpaksa berterus terang.

*MARIAH*

"Ada masa sihat dan ada masa sakit, cikgu," ujar Mariah dengan segala kekuatan keyakinan.

Inilah gangguan yang paling hebat, cikgu. Inilah cabaran Mariah tanggung sepanjang hari. Alhamdulillah, Mariah disihatkan oleh Allah untuk menjaga seorang bapa. Usahlah cikgu tahu bagaimana seksanya Mariah menyambung sisa-sisa hidup dan mengejar pelajaran.

Mariah tidak akan berhenti, cikgu. Itu pun bergantung kepada Mak Usu Lijah. Kalau Mak Usu Lijah menutup kedai jual keropok dan nasi lemak, Mariah akan berfikir kembali. Panjangkanlah usia Mak Usu Lijah, sihatkanlah Mak Usu Lijah.

Mariah menyapu air mata yang membasahi pipinya. Hatinya hancur oleh perlakuan ayah. Selama dua hari dia memintas ayah di stesen bas. Ketika ayah bergerak dalam barisan orang ramai sambil menadah tangan, hatinya luluh. Dia menahan pilu dan ngilu dari seberang jalan.

Apabila ayah bergerak ke jalan yang lengang, Mariah bergerak mengikutinya dari belakang. Dia percepatkan langkah dan bercakap perlahan-lahan dari belakang.

"Ayah melakukan dalam keadaan sedar," katanya ketika ayah tersandar pada tangga rumahnya yang kecil itu. "Semalam orang melihat ayah terhuyung-hayang di belakang kedai gunting."

Mariah menangis semahu-mahunya.

Pagi tadi ayah mengharukan dia lagi. Ketika Mariah melangkah keluar, ayah menegurnya.

"Aku tak ada wang," katanya.

Mak Usu Lijah memberikan dia sepuluh ringgit selepas menutup kedai jam 10.00 malam. Sepatutnya dia tidak menerima jumlah sebanyak itu. Tetapi Mariah berasa malu juga kepada kawan-kawan kerana tidak memiliki sebuah buku tambahan yang penting.

Buku rujukan ekonomi itu berharga sembilan ringgit.

"Mariah ada sepuluh ringgit saja, ayah. Ini pun untuk beli buku."

"Buku itu kemudian. Berikan ayah semuanya!" Suara itu agak menekan. Dan sebagai anak, Mariah tidak mahu melihat ayah kecil hati.

### KELAPA NAN SEBATANG

Cikgu Tini mengeluarkan buku rujukan ekonomi dari dalam laci mejanya.

"Ini buku yang Mariah pesankan."

"Mariah tak ada duit, cikgu...."

"Ambillah dulu. Kalau ada duit Mariah bayar. Kalau tak ada, anggap sebagai derma daripada cikgu."

Malu rasanya menerima buku tidak berbayar itu.

"Cikgu baru sahaja mengetahui diri Mariah. Penyakit ayah Mariah juga cikgu sudah maklum. Kita sama-sama berdoa, dia akan pulih."

Mariah mengesat air mata yang masih turun melalui pipinya yang licin itu.

Seperti ayah, Mariah juga tidak percaya bahawa adiknya Hilmi tiba-tiba sahaja meninggalkan mereka. Beberapa minit sebelum itu mereka bermain dengan riang. Mereka kejar-mengejar kerana berebut bunga api yang baru dibeli ayah.

Tiba-tiba Hilmi berpusing dan melepaskan diri daripada tangan ayah. Ada seekor kucing yang cantik di seberang jalan. Hilmi mahu mengambil kucing itu. Lalu sebuah taxi menyambarnya di tengah-tengah jalan.

Mariah menjerit. Ibu jatuh dan pengsan. Ibu meraung dan memarahi ayah. Mulai saat itu ayah menjadi tidak menentu.

Setiap hari ayah meletakkan kesalahan itu ke atas dirinya. Ayah bermenung dan kadang-kadang bercakap sendiri. Lebai Kudin berkali-kali datang dan mengajak ayah belajar mengenal diri.

"Ayahmu degil Mariah," rintih ibu. "Imannya tidak kuat. Ambil mudah tinggalkan sembahyang. Kau jangan jadi begitu Mariah."

Itulah kata-kata ibu yang diingati Mariah:

"Kata Edah, Mariah sudah ketiadaan ibu, kan?"

"Ya cikgu."

Waktu bulan Ramadan ingatnya kembali. Baru seminggu berpuasa. Selepas berbuka, biasanya ibu terus sembahyang Maghrib. Tetapi petang itu ibu tidak berbuat demikian. Ibu mengurut-urut dada. Tidak lama selepas itu ibu jatuh sebelum Mariah sempat mengampunya. Mariah meraung memanggil jiran. Jiran-jiran tidak dapat

. . . . 9 / -

*MARIAH*

berbuat apa-apa lagi. Ibu pergi tanpa sempat meninggalkan apa-apa pesan.

Kipas angin bilik bimbingan itu berputar ligat. Beberapa helai kertas bergerak-gerak di bawah tindihan buku-buku. Mariah melihat segugus buku di atas rak di sebelah meja Cikgu Tini.

"Cikgu ada beberapa buku tambahan. Mariah boleh pinjam daripada cikgu," cetus Cikgu Tini setelah lama bilik itu sepi.

Mariah seperti tertawa sendiri. Buku yang sekolah pinjamkan sebanyak lima belas buah itu sebahagian halaman sahaja sempat ditatapnya. Teks wajib seperti *Sejarah Melayu* itu pun belum selesai-selesai juga dibacanya.

"Kalau teks sejarah bangsa tidak habis, bagaimana kita mahu mengenal akar umbi kita," leter Cikgu Zahari sambil menggelengkan kepalanya yang besar itu.

Mariah tidak membantah leteran Cikgu Zahari itu. Banyak membaca makin banyak pengetahuan yang diperolehi. Tetapi Cikgu Zahari tidak tahu hambatan waktu. Lalu kepada Edahlah dia bergantung dan bernaung.

Mariah minta diri, berdiri dan berundur dengan tertib.

Aku menangkapnya di muka pintu.

"Pengetua panggil kau terima duit biasiswa," Mariah tersengih.

"Kaumahu duit tak?" Aku ulangi, cuba menggembirakan hatinya yang kelihatan seperti orang bingung.

Ketika kami memanjat tangga pejabat, Bibah menampar bahunya dari belakang.

"Ada orang cari Mariah," kata Bibah; "Ada lelaki berkumis di sana," ditunjukkan ke arah seorang lelaki berdiri di lapangan kereta.

Mariah terpegun melihat lelaki itu.

"Ada apa Han?" Mariah seperti kehairanan.

"Ayah kemalangan. Ada di hospital."

Aku berlari mencari Cikgu Tini. Dan dengan menumpang kereta Cikgu Tini, aku dan Bibah menuruti Mariah yang sudah pun dilarikan oleh lelaki berkumis itu.

Di luar wad kecemasan, Mariah menangis tersedu-sedu. Aku memeluk Mariah dengan erat. Dan ketika Mariah mendapatkan tangan dan merangkul Cikgu Tini, aku ikut menangis.

[ PDP 478 ]

*KELAPA NAN SEBATANG*

"Apalah nasib Mariah, cikgu," sedu Mariah. Badannya bergerak-gerak.

Pemuda bernama Borhan mendekati Cikgu Tini.

"Pak Cik Bakar dilanggar lori. Kebetulan saya melalui tempat kejadian itu," cerita pemuda bernama Borhan itu lagi.

"Bagaimana dengan ayah, Han?"

"Ayah sedang dirawat," ujar Cikgu Tini sekalipun perasaannya terlalu sebak untuk menceritakan apa yang sudah terjadi.

Tetapi Cikgu Tini tidak dapat menahan air matanya jatuh. Sekaligus menjadikan Mariah meraung dengan kuat.

"Ceritakan yang benar kepada Mariah! Ceritakanlah. Ceritakan abang Borhan!"

Beberapa orang jururawat terpinga-pinga mendengar suara kecil yang lantang itu.

"Cikgu, saya ingin melihat Mariah berjaya dalam pelajaran. Saya akan menanggungnya, jika diizinkan sampai beranak cucu."

Mariah terhenti menangis. Tunduk seperti malu apabila Borhan mendedahkan niat sucinya itu.

"Bolehkah Mariah terus belajar?"

"Mariah," sapaku, memeluk bahunya.

Kami melihat Borhan berjalan tenang ke dalam wad. Sejurus dia keluar dan memimpin Mariah masuk sekali lagi ke dalam wad.

-- ooooo000oooo --

LAMPIRAN B

Kawan  
Zurinah Hassan

Senyum kawan di sebelahku hari ini  
hilang madu citanya  
hilang seri ceritanya  
dari semalam yang menyentuh urat nadiku  
dengan suara yang pasti.

Anak lemah ini  
wakil daerah penderitaan  
esok seluruhnya akan membangun  
dari gelora kegelisahan.

Semalam suaranya paling rela  
melepaskan sebuah rindu yang syahdu  
kerbau dibendang lembu di kandang  
bertukar milik wang tambang  
ayah ke Tanah Suci.

Semakin melunjuk seri senyumannya  
mendabik dada cerita ria  
nasi sekhemah gulai sekawah  
bertimpa orang ke rumah  
hilai usik kakak di pelamin  
yang menjerat setiap cara pencarian.

Hari ini serinya telah hilang  
tinggal keluh lemas  
dilemaskan bayaran yuran dan harga buku  
sedang ayah kekosongan saku.

1969

-- oooooooo --

